

Bertindak segera terhadap Serbia: PM



Oleh Azhar Abu Samah

B.H - 1 SEP 1992

SUBANG, Isnin — Malaysia hari ini mengesakan tindakan segera terhadap Serbia dan Montenegro dengan menggugurkan keahlian negara berkenaan dalam Pergerakan Berkecuali (NAM) di sidang kemuncak NAM di Jakarta, tanpa perlu menunggu tempoh sebulan dari sekarang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata NAM tidak boleh menunggu lebih lama membuat keputusan itu hingga menyebabkan ramai orang Bosnia-Herzegovina dibunuh dan diseksa dalam kern tahanan.

“Kita prihatin sangat pasal Bosnia. Kita tidak boleh tunggu sampai banyak orang dibunuh dan diseksa dalam kern tahanan

Serbia,” katanya kepada pemberita sebelum berlepas ke Jakarta, untuk menghadiri sidang kemuncak NAM ke-10.

Sehubungan itu, katanya Malaysia berpendapat soal penyingkiran Serbia dan Montenegro perlu tindakan segera dan tidak boleh dilengahkan.

Semalam, Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail, berkata Serbia dan Montenegro yang mendakwa mewakili Yugoslavia dalam NAM, akan digugurkan keahlian mereka dalam tempoh sebulan dari sekarang.

Menurutnya, menjelang Mesyuarat Peringk’at Menteri NAM yang akan diadakan di New York,

Serbia dan Mbntenegro tidak akan mewakili Yugoslavia lagi dalam NAM.

Dr Mahathir berkata, Malaysia akan mengemukakan pandangan supaya tindakan segera dikenakan terhadap Serbia dalam sidang kemuncak NAM ke-10 ini dan terpu-lana kepada pergerakan itu membuat keputusan.

“Kalau NAM tidak membuat keputusan menyingkirkan segera, pada kita itu soal majoriti. Tetapi pada pandangan kita eloklah dibuat sekarang,” kata Dr Mahathir.

Menurutnya, NAM dan PBB sekarang sibuk bercakap mengenai soal mengiktiraf dan tidak mengiktiraf Yugoslavia, sedangkan pada masa yang sama Serbia melaku

LIHAT MUKA 23

Malaysia
1 SEP 1992
terus

bantu rakyat Bosnia

DARI MUKA 1

kan pembunuhan **beramai-ramai** (genocide) terhadap rakyat **Bosnia**.

Beliau berkata; PBB diwujudkan untuk **memastikan** keganasan tidak **berlaku**, tetapi yang nampak di Bosnia, PBB tidak **berbuat apa-apa** walaupun pembunuhan secara **terang-terangan** dilakukan oleh Serbia.

Katanya, PBB **sepatutnya sudah mengambil tindakan terhadap** Serbia kerana kekejaman yang dilakukan itu.

“Kalau tindakan **boleh** diambil terhadap Iraq **kerana** menceroboh Kuwait, mengapa PBB tidak **mengambil tindakan** terhadap Serbia yang secara nyata dan dapat dilihat dengan **mata sendiri** melakukan pembunuhan kejam,” **katanya**.

Malah, katanya, ketika pencerobohan Baghdad ke atas Kuwait, dunia tidak nampak pun manusia dibunuh sedemikian rupa dan pelbagai cerita **mengenai** kekejaman Iraq di Kuwait, apabila disiasat ternyata tidak benar.

Beliau **memberi jaminan** Malaysia akan terus membantu rakyat Bosnia dan tidak akah **membiarkan mana-mana** negara melakukan pembunuhan kejam secara terbuka.

Mengenai pandangan beberapa negara NAM kedudukan Yugoslavia itu sebagai perkara **kecil**, Perdana Menteri berkata: “**Begitu juga** tidak ada sebab mengapa Serbia harus mengakui ia mewakili Yugoslavia.

“**Soal** Yugoslavia mesti diiktiraf, tidak **ada lagi, sama ada dalam** NAM atau PBB. Sebenarnya negara lain pun sudah tidak akui yang Serbia sebagai Yugoslavia.”

Mengenai **soal** negara perlu **memainkan tanggungjawab** utama dalam **perbincangan mengenai alam sekitar sebagaimana yang** dicadangkan di **mesyuarat pegawai** kanan NAM, Dr Mahathir berkata, Malaysia tetap akan memainkan **fungsi yang sama** sebagaimana di Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, tidak lama dulu.